

Polis dapatkan maklumat kesihatan Bunyamin

BH - 8 SEP 2002

Oleh **ROHANA MOHD NAWI**

KOTA BHARU: Polis akan mendapatkan maklumat mengenai tahap kesihatan bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaacob, 56, daripada doktor yang merawatnya sebelum mendakwa di mahkamah berhubung kenyataan fitnahnya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner (SAC) I Datuk Mohd Najib Abdul Aziz, berkata pihaknya perlu mendapat penerangan doktor mengenai keadaan kesihatan terkini Bu-

nyamin, yang masih mendapat rawatan di Hospital Kota Bharu (HKB).

Katanya, polis juga akan menghubungi sendiri Pegawai Penerangan Pas Kelantan itu untuk memaklumkan pendakwaan kes itu akan dilakukan ke atas beliau.

"Sudah sampai masanya kita menghubunginya, tetapi kita tengok apa kata doktor, sama ada beliau boleh hadir ke mahkamah atau tidak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Karnival Rakan Muda 2002, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya bila dakwaan akan

dilakukan terhadap Bunyamin yang dikatakan memfitnah Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucu lelakinya.

Akhbar semalam melaporkan Pegawai Penerangan Pas Kelantan, Bunyamin Yaacob akan didakwa di mahkamah kerana kenyataan fitnahnya itu terhadap Dr Mahathir.

Pejabat Peguam negara dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, Pendakwa Raya berpuas hati dengan bukti Bunyamin jelas memfitnah Dr Mahathir, selepas mengkaji secara mendalam kertas siasatan yang dikemukakan oleh polis.

Mohd Najib berkata, setakat

ini beliau belum menerima taklimat daripada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (KJSJ) Kelantan, Asisten Komisioner Abd Rahim Jani, kerana masih di Kuala Lumpur untuk perbincangan di Pejabat Peguam Negara dan Bukit Aman," katanya.

Bagaimanapun, *Berita Minggu* difahamkan Bunyamin akan didakwa di mahkamah di sini, esok, jika beliau dibenarkan keluar dari hospital.

Juga difahamkan, jika Bunyamin tidak dapat keluar dari HKB, beliau mungkin didakwa di hospital.